

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 2 TAHUN 2023
JABATAN LANDSKAP NEGARA**

**Tarikh : 4 Ogos 2023
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Bunga Raya
Jabatan Landskap Negara**

HADIR:

Wakil Pengurusan

1. Encik Roslee bin Abdullah **– Pengerusi**
Ketua Pengarah
2. Dr. Mazifah binti Simis
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
3. Encik Mansor bin Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
4. Encik Syamsul Erwin bin Muhamad Lagis
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Wakil Pekerja

1. Encik Azrel bin Ismail **– Pengerusi
Bersama**
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Landskap
2. Encik Mohd Samsi bin Sumairi
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Landskap
3. Encik Muhammad Radwan bin Yusof
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknikal
4. Encik A Danial bin Ismail
Penolong Pengarah
Bahagian Promosi dan Industri Landskap
5. Encik Raja Faerull Asraf bin Raja Alim **– Setiausaha
Pihak Pekerja**
Penolong Arkitek Landskap Kanan
Bahagian Promosi dan Industri Landskap

6. Puan Diana binti Mohd Daud
Penolong Pegawai Pertanian
Bahagian Pengurusan Landskap
7. Puan Colina binti Awi
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Khidmat Teknikal
8. Puan Nur Fadzila binti Mat Isa
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan

Urus Setia

1. Puan Wan Zafirah Hanim binti Wan Mohamad
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Puan Noor Azmah binti Kamaruddin
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Encik Muhammad bin Abdul Latif
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan

**– Setiausaha
Pihak Pegawai**

TURUT HADIR:

1. Encik Muhammad Safeer bin Rosli
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Teknikal

**– Pengerusi
KEKSAR JLN**

TIDAK HADIR:

Wakil Pekerja

1. Encik Muhamad Azuha bin Ramli
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Pembangunan Landskap
2. Encik Ahmad Radhi bin Rossidin
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Taman Persekutuan

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bilangan 2 Tahun 2023.
- 1.2 Pengerusi juga mengucapkan tahniah kepada wakil Pihak Pekerja sesi 2023-2025 yang baru dilantik. Pengerusi berharap lantikan tersebut dapat membawa pembaharuan kepada Jabatan. Wakil Pihak Pekerja juga diharap dapat membangkitkan usul serta memberi pandangan yang munasabah.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 1/2023 bertarikh 17 Februari 2023 disahkan dengan pindaan seperti berikut:
 - a) Muka surat 1, senarai kehadiran:

Encik Roslee bin Abdullah - Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) **dipinda kepada** Encik Roslee bin Abdullah - Ketua Pengarah

3.0 PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 **Lantikan Jawatankuasa dan Pendaftaran Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi JLN**
 - 3.1.1 Mesyuarat dimaklumkan draf pindaan perlembagaan kelab kebajikan JLN telah disediakan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Khas (EGM) yang dijangka diadakan dalam bulan Ogos atau September 2023. Pada masa ini kelab kebajikan JLN masih boleh menggerakkan aktiviti kelab mengikut perlembagaan terdahulu yang telah diluluskan oleh ROS.
 - 3.1.2 Mesyuarat juga dimaklumkan, berdasarkan perlembagaan terdahulu, hanya 8 orang AJK sahaja yang disenaraikan berbanding perlembagaan baharu menyatakan 16 orang AJK. Sehubungan itu, buat masa ini baki jawatankuasa yang dilantik menjalankan tugas secara pentadbiran sebelum perlembagaan baharu diluluskan oleh ROS.

Makluman

3.2 Permohonan Pengeluaran Stok

3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan pembelian toner untuk JLN adalah secara tender melalui KPKT. Pihak KPKT memaklumkan bahawa bekalan toner akan diterima antara bulan Ogos dan September 2023.

Makluman

3.3 Kemudahan Parkir

3.3.1 Mesyuarat dimaklumkan pengagihan lot parkir sedia ada adalah berdasarkan keperluan dan kedudukan hirarki pegawai. Mesyuarat juga mengambil maklum Jabatan mempunyai kekangan yang tidak dapat dielakkan bagi menyediakan parkir kepada semua pegawai dan kakitangan. Mesyuarat bersetuju dasar parkir sedia ada dikekalkan.

Makluman

4.0 USUL-USUL BAHARU

4.1 Pembekalan *First Aid* Untuk Setiap Bahagian

4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum permohonan bekalan *first aid* untuk setiap bahagian.

4.1.2 Mesyuarat dijelaskan isu ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Perancangan Peruntukan Mengurus Bagi Tahun 2024 pada bulan Mei 2023 yang dihadiri oleh semua Pengarah Bahagian dimana mesyuarat bersetuju pembelian *first aid* dibuat secara berpusat oleh BKP dan digunakan oleh semua warga JLN.

Makluman

4.2 Penyediaan Mesin Automated Teller Machine (ATM) Di Mana-Mana Tempat Di Blok F

4.2.1 Mesyuarat mengambil maklum permohonan penyediaan ATM di Blok F.

4.2.2 Mesyuarat dimaklumkan isu ini telah dibangkitkan beberapa kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penyelenggaraan dan Pemantauan Perjanjian Konsesi Parcel F. Mesyuarat juga

dimaklumkan BPH selaku pemilik bangunan yang diberikan kuasa untuk mentadbir pengurusan penyewaan ruang termasuk ATM di bangunan Kerajaan Persekutuan seliaan BPH mengambil maklum akan perkara tersebut.

Makluman

4.3 Pembekalan Buku Harian Rasmi Kepada Setiap Pegawai

4.3.1 Mesyuarat dijelaskan KPKT tidak menggalakkan pembelian buku harian rasmi bagi mengelakkan pembaziran.

Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Aduan Berkaitan Isu Kebersihan dan Penyelenggaraan Bangunan

5.1.1 Mesyuarat dimaklumkan sebarang aduan berkaitan kebersihan dan penyelenggaraan bangunan boleh dibuat melalui sistem Archibus yang diurus oleh PBSB Sdn. Bhd.

5.1.2 Mesyuarat juga dimaklumkan semua aduan melalui sistem tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penyelenggaraan dan Pemantauan Perjanjian Konsesi Parcel F anjuran Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri.

Makluman

5.2 Garis Panduan Penyediaan Usul MBJ

5.2.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya pihak Urus Setia menyediakan satu garis panduan penyediaan usul oleh wakil Pihak Pekerja.

5.2.2 Mesyuarat dimaklumkan garis panduan penyediaan usul boleh dirujuk melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia - Pengurusan Hubungan Majikan-Pekerja, cerai PO.4.2.1.

Makluman

5.3 Edaran Makluman Usul dan Keputusan Mesyuarat MBJ JLN

- 5.3.1 Mesyuarat diminta menjelaskan cara keputusan mesyuarat MBJ diwar-warkan kepada semua pegawai.
- 5.3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa keputusan mesyuarat akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Pengurusan JLN. Mesyuarat juga dimaklumkan minit mesyuarat MBJ JLN akan dimasukkan dalam folder MBJ didalam Scape Portal, untuk rujukan semua warga JLN.
- 5.3.3 Mesyuarat juga bersetuju wakil Pihak Pekerja memaklumkan keputusan mesyuarat serta hasil perbincangan usul kepada pegawai JLN melalui wakil Pihak Pekerja kumpulan skim/gred masing-masing.

Makluman

5.4 Peluang Menyertai Seminar/Kursus Luar Negara dan Menerima APC

- 5.4.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya peluang untuk menyertai seminar atau kursus luar negara serta menerima APC turut diberikan kepada pegawai lain.
- 5.4.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa latihan luar negara diselaras oleh KPKT dan terdapat kriteria tertentu bagi pemilihan pegawai yang terlibat. Manakala bagi ekspo luar negara, pegawai dipilih daripada Bahagian Promosi dan bahagian lain yang terlibat dalam persediaan ekspo tersebut.
- 5.4.3 Mesyuarat juga dimaklumkan pegawai boleh memohon kursus luar negara yang dianjurkan oleh penganjur lain, contohnya JPA. Mesyuarat juga dijelaskan kekangan kewangan bagi tujuan tersebut serta dasar jabatan bagi melahirkan pegawai SME.
- 5.4.4 Manakala berkenaan APC, mesyuarat dimaklumkan terdapat kuota bagi setiap cawangan dan juga bahagian. Selain markah, pemilihan juga dibuat berdasarkan faktor-faktor lain seperti disiplin dan sumbangan pegawai.

Makluman

6.0 PENUTUP

- 6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir ke mesyuarat kali ini dan mesyuarat tamat pada jam 11.15 pagi.

Disediakan oleh:



.....
WAN ZAFIRAH HANIM BINTI WAN MOHAMAD

Setiausaha Pihak Pegawai MBJ JLN



.....
RAJA FAEERULL ASRAF BIN RAJA ALIM

Setiausaha Pihak Pekerja MBJ JLN

